

**SOALAN NO: 61**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : ISNIN, 21 MAC 2016**

**RUJUKAN : L7 [PR-1341-L72212]**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan apakah tindakan yang dilakukan bagi menghapuskan lambakan pusat perjudian dan pusat refleksologi yang menawarkan khidmat pelacuran yang semakin banyak di Kuala Lumpur.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Setiawangsa, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak pernah meluluskan mana-mana premis untuk menjalankan aktiviti perjudian atau pelacuran di Kuala Lumpur. Pemantauan serta tindakan penguatkuasaan sentiasa dibuat bagi mengawal aktiviti ini sama ada melalui operasi bersepadu dan berterusan yang melibatkan pelbagai jabatan atau pun melalui tindakan oleh jabatan.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Operasi Banteras Aktiviti Haram (Ops BAH) membabitkan strategi *smart partnership* 21 agensi Kerajaan, 9 NGO, pemimpin masyarakat, persatuan penduduk serta komuniti. Antara inisiatif Ops BAH adalah penahanan tonto dengan menggunakan peruntukan undang-undang di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta pemotongan bekalan air dan elektrik premis dengan serta merta.

Bagi bulan Januari 2016, 12 premis Pusat Siber/Kafe Siber yang terlibat dengan aktiviti pertaruhan telah dikenakan tindakan sita yang membabitkan 643 peralatan yang dianggarkan bernilai RM430,000. Pada bulan Februari 2016, 16 buah premis telah dikenakan tindakan yang membabitkan sitaan 952 peralatan dengan nilai yang dianggarkan berjumlah RM583,220.

Premis yang dilesenkan sebagai spa atau aktiviti urut badan dan kaki juga turut diambil tindakan di mana 6 buah premis telah dikenakan tindakan dalam operasi yang dijalankan di Jalan Bukit Bintang pada 23 Februari 2016 kerana masih beroperasi walaupun kelulusan lesen mereka telah dibatalkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengambil pendekatan membekukan kelulusan lesen baru bagi aktiviti urut badan, urut kaki dan termasuk juga Pusat Hiburan Keluarga sejak tahun 2006 lagi. Bagi kelulusan lesen baru untuk aktiviti Pusat Siber/Kafe Siber dan Taman Permainan Kanak-Kanak (Dalam Bangunan), pembekuan kelulusan lesen baru telah dikuatkuasakan pada 3 Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana pelesen yang didapati melanggar syarat kelulusan lesen, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Jawatankuasa Pembatalan Lesen dan Permit akan membatalkan kelulusan lesen berkenaan.